



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 5542
Email : drradzi@moh.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KKM.600-29/4/111 Jld 2 (3)

Tarikh : 31 Mei 2023

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN MENGENAI PELUASAN PEMBERIAN VAKSIN PNEUMOKOKAL DI BAWAH PROGRAM IMUNISASI KEBANGSAAN BAGI KANAK-KANAK (*CATCH-UP IMMUNISATION*)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, sejak 1 Disember 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pemberian vaksin pneumokokal konjugat (*pneumococcal conjugate vaccine*, PCV) dalam Program Imunisasi Kebangsaan kepada kohort kanak-kanak yang lahir bermula 1 Januari 2020. Pada tahun 2023, kanak-kanak ini mencapai umur 3 tahun.

3. Berdasarkan data Sistem Maklumat Rawatan Perubatan KKM, kadar discaj akibat penyakit pneumokokal invasif di hospital KKM adalah tinggi di kalangan kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah. Maka, KKM mengambil inisiatif memperluaskan pemberian PCV kepada kanak-kanak yang lahir pada tahun 2018 dan 2019 bagi mengoptimalkan perlindungan terhadap jangkitan pneumokokus di kalangan kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah.

4. Peluasan pemberian PCV (*catch-up immunisation*) menyasarkan kanak-kanak yang lahir pada 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2019, dan akan dilaksanakan di semua fasiliti kesihatan primer KKM (Klinik Kesihatan, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA), Klinik Desa dan Pasukan Bergerak) di seluruh negara bermula pada 1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024. Kanak-kanak bukan warganegara Malaysia yang lahir pada 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2019 juga layak menerima PCV di fasiliti kesihatan KKM, namun perlu dikenakan caj mengikut Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.

5. PCV yang akan digunakan adalah vaksin Prevenar-13 sebanyak satu dos bagi setiap kanak-kanak yang layak. Kanak-kanak yang lahir pada pada 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2019 yang telah menerima PCV secara lengkap di fasiliti swasta tidak perlu diberikan sebarang dos tambahan PCV.

6. Pemberian suntikan PCV secara *catch-up* akan diberikan secara janji temu atau *walk-in* di fasiliti kesihatan primer KKM. Janji temu juga boleh dibuat melalui aplikasi MySejahtera. Kanak-kanak di dalam kumpulan umur layak yang menjalani rawatan susulan di hospital (seperti di klinik pakar hospital) juga boleh dirujuk untuk janji temu di Klinik Kesihatan berhampiran. Kanak-kanak berisiko tinggi yang sedang mendapatkan rawatan di hospital memerlukan penilaian pakar untuk penentuan dos dan sela masa pemberian vaksin.

7. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan program ini boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Kawalan Penyakit
No. Telefon: 03 – 8883 4504 / 4411 / 4421

ATAU

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
No. Telefon: 03 – 88834003/ 4042

8. Kerjasama dan sokongan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam memastikan kejayaan Program Imunisasi Kebangsaan dan usaha mencegah penyakit cegahan vaksin di Malaysia amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

TKPK KA
b.p KPK KKM

DATUK DR. NORHAYATI BT. RUSLI
(No. Pendaftaran Penuh MMC: 30041)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

(DATUK DR MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

SENARAI EDARAN

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Markas Angkatan Tentera Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Kesihatan

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Malaya

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarah
Hospital Universiti Sains Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Malaya

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Putra Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Sains Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Malaysia Sarawak

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Malaysia Sabah

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Sains Islam Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Teknologi MARA

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Islam Antarabangsa

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Sultan Zainal Abidin

Presiden
Persatuan Hospital Swasta Malaysia

Presiden
Persatuan Perubatan Malaysia

Presiden
Persatuan Pediatrik Malaysia